

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Skim Insentif Pembiayaan TSPKS 2.0?	<ul style="list-style-type: none"> • Skim Insentif Pembiayaan TSPKS 2.0 diperkenalkan khusus bagi kerja-kerja penanaman semula sawit untuk pengusaha sawit khususnya pekebun kecil persendirian. • Dibawah skim ini, dana yang disediakan adalah terdiri daripada komponen geran (50%) dan sebahagian lagi adalah dalam bentuk pembiayaan (50%) kepada pekebun kecil persendirian.
2.	Apakah syarat-syarat permohonan bagi Skim ini?	<ol style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia; b) Pemohon berusia di antara 18 tahun – 70 tahun (semasa permohonan); c) Jumlah keluasan pemilikan tanah penanaman sawit tidak melebihi 10 hektar (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak); d) Had maksimum kelulusan keluasan ialah 6.5 hektar sahaja (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak); e) Tanaman sawit yang berusia 25 tahun dan ke atas atau tanaman sawit yang tidak produktif; f) Mempunyai lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang sah bagi aktiviti menjual dan mengalih buah tandan segar (BTS); g) Mengemukakan dokumen pemilikan atau penguasaan tanah yang sah; h) Kawasan tanaman adalah sesuai dengan aktiviti penanaman sawit.
3.	Apakah skop pembiayaan di bawah Skim ini?	<p>Skim ini ditawarkan dalam bentuk kombinasi geran dan pembiayaan bagi aktiviti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Penyediaan kawasan tanaman; b) Pembelian anak benih sawit yang berkualiti; c) Penyelenggaraan kebun sehingga umur sawit tiga tahun (3) tahun selepas tanam.
4.	Apakah konsep Syariah yang digunakan bagi Skim ini?	<p>Skim ini mengguna pakai konsep Tawarruq yang melibatkan dua (2) kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan Aset (komoditi) oleh Penjual kepada Pembeli secara Tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual Aset (komoditi) yang sama kepada Pihak Ketiga secara tunai.</p> <p>Melalui transaksi Tawarruq, Bank akan membeli Aset (komoditi) daripada Pembekal Komoditi dengan Harga Kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan). Kemudiannya, Bank menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pelanggan secara Murabahah (iaitu Harga Kos ditambah Keuntungan) dengan bayaran secara tertangguh. Seterusnya, Bank (bertindak sebagai Wakil Pelanggan) akan menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pihak Ketiga pada Harga Kos secara tunai. Hasil Jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan.</p> <p>"Komoditi" dalam konteks transaksi Tawarruq adalah merujuk kepada apa-apa jenis Komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa Komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.</p>

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.

**Tertakluk kepada Terma dan Syarat
Tarikh Berkuatkuasa: November 2025*

No.	Soalan	Jawapan
5.	Dimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Pemohon boleh untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
6.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah Skim ini?	Pembiayaan Berjangka (TF-i)
7.	Berapakah jumlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<u>Semenanjung Malaysia:</u> Sehingga RM14,000/hektar* <u>Sabah & Sarawak:</u> Sehingga RM18,000/hektar*
8.	Berapakah tempoh pembiayaan di bawah Skim ini?	a) Tempoh pembiayaan bagi kemudahan ini adalah sehingga 144 bulan (12 tahun) *. b) Tempoh penangguhan bayaran pokok pembiayaan adalah selama empat (4) tahun (48 bulan).
9.	Berapakah kadar keuntungan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	2% setahun dikira atas baki bulanan.
10.	Apakah fi & kos lain-lain dikenakan kepada pelanggan berhubung dengan kemudahan pembiayaan ini?	a) Yuran Duti Setem: Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949. b) Caj Guaman & Pembayaran: Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pembiayaan, pendaftaran cagaran, carian tanah, carian kebangkrapan, carian pembubaran, dan caj berkaitan lain (jika berkenaan). c) Sumbangan Takaful: Bergantung pada jumlah perlindungan yang diambil untuk pembiayaan. d) Yuran Broker: RM7 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembelian komoditi. Semua caj seperti takaful kredit dan duti setem perlu ditanggung oleh pelanggan. Pelanggan adalah dibenarkan untuk menggunakan sebahagian daripada jumlah pembiayaan untuk membayar caj ini semasa proses pengeluaran wang kemudahan pembiayaan dilaksanakan.
11.	Adakah cagaran diperlukan?	Tiada cagaran diperlukan bagi Program ini.
12.	Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan kemudahan pembiayaan ini?	Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan adalah seperti berikut: a) Salinan kad pengenalan pemohon; b) Borang Permohonan Pembiayaan; c) Salinan Lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi aktiviti menjual dan mengalih buah tandan segar (BTS); d) Salinan Hak Milik Tanah; e) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan perkara di atas.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.

**Tertakluk kepada Terma dan Syarat
Tarikh Berkuatkuasa: November 2025*

No.	Soalan	Jawapan
13.	Bolehkah saya masih menggunakan Sijil CoPN yang telah tamat tempoh untuk membuat tuntutan?	Ya, tuntutan boleh diterima dengan menggunakan Sijil CoPN yang telah tamat tempoh, dengan syarat tuntutan tersebut dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh sijil berkenaan.
14.	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan Program ini?	Pemohon boleh menghubungi pihak Bank melalui medium seperti di bawah: <ul style="list-style-type: none">• Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;• Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my;• Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;• Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, dan X.
15.	Dimanakah saya boleh mendapatkan borang permohonan bagi Program ini?	Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan dengan mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
16.	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini boleh dilakukan?	Kaedah pembayaran kemudahan pembiayaan secara <i>one-off</i> dan/atau secara ansuran bulanan boleh dibuat melalui mana-mana saluran berikut; <ul style="list-style-type: none">• Mesin Deposit Tunai (CDM);• <i>Automated Teller Machine</i> (ATM) atau melalui perbankan internet;• Melalui kaunter di mana-mana cawangan Agrobank.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.

**Tertakluk kepada Terma dan Syarat
Tarikh Berkuatkuasa: November 2025*